

# UTHM catat kecemerlangan Bio Malaysia 2013



Chin Phong (dua, kanan) bersama produk dihasilkan dan juri serta kakitangan UTHM, pada seminar berkenaan.

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat kecemerlangan pada Seminar Bio Malaysia dan Bio Ekonomi Asia Pasific (Bio Malaysia) 2013, baru-baru ini.

Seminar yang diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada, Johor Bahru, itu adalah sejarah terbaru universiti berkenaan apabila penyelidikan dilakukan mendapat pengiktirafan.

Pegawai Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, pada seminar itu, UTHM telah menghantar empat produk untuk diperintontonkan kepada juri dan tiga dari-

pada ia telah mengharumkan nama universiti berkenaan.

Jelasnya, tiga produk berkenaan, satu mendapat pingat emas dan dua lagi pingat gangsa.

"Kenangan paling manis apabila penyelidik muda UTHM, Dr Soon Chin Phong melalui produk *A Novel Apparatus and Liquid Crystal Substrate to Produce 3D Cell Culture* memenangi pingat emas.

"Selain mendapat pingat emas dan pengiktirafan antarabangsa, produk yang dihasilkan itu juga memperoleh anugerah khas *Women Bioinnovator Of The Year 2013*," katanya.

Shafry berkata, seminar dan

pameran yang berlangsung selama tiga hari itu dirasmikan Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Norden.

Tambahnya, lebih membanggakan pihak UTHM, seminar itu disertai lebih daripada 300 produk dan 58 agensi awam, swasta serta institusi pengajian tinggi (IPT).

"Jelas sekali dengan penyertaan julung kali ini, membawa satu dimensi baru dalam hasil penyelidikan penyelidik UTHM yang berteraskan bio agar mereka lebih cenderung dan bersemangat dalam penghasilan bidang penyelidikan berteraskan bioteknologi," katanya.